



PETUGAS Tenaga Nasional Berhad (TNB) sibuk memperbaiki menara pencawang yang tumbang akibat gelongsoran tanah di Ulu Tiram semalam.



MERCU tanda bandar Kota Tinggi turut ditenggelami air yang naik mencecah bumbung tingkat bawah bangunan semalam.

Johor lumpuh, banjir Pahang pula semakin buruk

KUALA LUMPUR – Keadaan banjir di Johor yang semakin meruncing tidak menunjukkan sebarang tanda perubahan sehingga malam tadi manakala di Pahang jumlah mangsa banjir terus meningkat berbanding sebelah petang.

Sehingga petang semalam, 101,680 mangsa banjir daripada 22,753 keluarga dipindahkan ke 338 pusat pemindahan di seluruh Johor.

Di Rompin, Pahang jumlah mangsa banjir terus meningkat kepada 2,447 orang berbanding 1,555 yang direkodkan sebelah petang.

Kosmo 15/
Di JOHOR, Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Kontinjen Polis Johor berkata, setakat ini keadaan banjir di Batu Pahat paling buruk dengan 34,462 mangsa daripada 7,685 keluarga terpaksa dipindahkan dan ditempatkan di 118 pusat pemindahan.

Di Kluang pula, mangsa banjir yang terlibat ialah 16,131 orang, Johor Bahru Selatan (11,183), Johor Bahru Utara (6,085), Kota Tinggi (12,589), Segamat (4,689), Mersing (6,914), Muar (5,604) manakala mangsa banjir di daerah Pontian pula seramai 4,023 orang.

Bandar Kota Tinggi masih ditenggelami air sedalam satu meter membabitkan beberapa kawasan akibat limpahan air Sungai Johor sejak dua hari lepas, yang memutuskan hubungan daerah itu dengan Johor Bahru dan Mersing.

Jalan yang masih ditutup ialah Jalan Seelong-Ulu Tiram, KM3 Jalan Ulu Choh- Gelang Patah, KM32 Bandar Tenggara, KM24 Jalan Kota Tinggi-Kulai, KM26 Kota Tinggi-Kulai berdekatan Sungai Telor, KM40 Kota Tinggi-Johor Bahru di Kampung Batu 23, Jalan Tun Sri Lanang di Bandar Tenggara, KM24

Jalan Mawai di Jalan Tun Habab dan KM68.8 Jalan Kota Tinggi.

Di PAHANG, Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Kontinjen Pahang berkata kesemua 2,447 mangsa yang dipindahkan di Rompin membabitkan 450 keluarga dari 12 buah kampung yang terjejas akibat banjir di daerah itu.

Bagaimanapun, katanya hanya tiga jalan kampung yang terjejas akibat banjir iaitu jalan di Kampung Kurnia, Perpat dan Rekoh terpaksa ditutup kepada semua kenderaan.

Di KELANTAN pula, paras air di sungai utama Kelantan kembali ke

tahap normal berikutan cuaca baik.

Jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan berkata paras air Sungai Golok di Rantau Panjang susut kepada 6.54m berbanding 6.88m semalam (waspada 7m/bahaya 9m).

Tempat menyukat banjir Sungai Kelantan di Kuala Krai pula mencatat 18.83m (waspada 20m/bahaya 25m) manakala di Kusial, Tanah Merah 11.44m (waspada 12m/bahaya 16m) dan paras air di Tambatan Diraja di Kota Bharu susut kepada 1.64m (waspada 3m/bahaya 5m).